

U B056 AAB

PERNYATAAN BERSAMA  
OLEH AHMAD REJAL ARBEE

1984

TRIPOLI, 12 DIS. (BERNAMA) -- MALAYSIA DAN LIBYA MENYERU NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN SUPAYA SECARA AKTIF MEMPERTINGKATKAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN MEMANDANGKAN KEADAAN EKONOMI DUNIA YANG KIAN BERTAMBAH BURUK DAN KEGAGALAN DIALOG UTARA-SELATAN.

MENURUT PERNYATAAN BERSAMA YANG DIKELUARKAN PADA AKHIR LAWATAN RASMI EMPAT HARI PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, KEDUA-DUA BUAH NEGARA MENGARISI KEPENTINGAN DIALOG SELATAN-SELATAN MEMANDANGKAN KEGAGALAN USAHA KE ARAH MEWUJUDKAN ORDER BARU EKONOMI ANTARABANGSA.

KATANYA DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI TAKLIMAT MENGENAI PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA YANG DITAWARKAN KEPADA 33 BUAH NEGARA DI ASIA, PASIFIK DAN AFRIKA DAN INI ADALAH SEBAGAI MANIFESTASI PENGLIBATAN TANGGUNGJAWAB MALAYSIA KEPADA DIALOG SELATAN-SELATAN.

KEDUA-DUA BELAH PIHAK MEMANDANG BERAT TERHADAP KEADAAN ANTARABANGSA YANG KIAN BERTAMBAH BURUK SEPERTI YANG TERCERMIN DARIPADA KECENDERUNGAN SESETENGAH NEGARA, LEBIH-LEBIH LAGI KUASA-KUASA BESAR MENGAMALKAN DASAR CAMPUR TANGAN DAN MENGGUNAKAN KEKERASAN DALAM MENGENDALIKAN HUBUNGAN ANTARABANGSA.

PERNYATAAN 16 HALAMAN ITU MEMPERNYATAKAN BAHAWA KEDUA-DUA PELAH-PIHAK MENKKAJI KEDUDUKAN DI MEDITERRANEAN, ASIA BARAT DAN ASIA TENGGARA DAN MENGULANGI SERUAN MEREKA KEPADA KEAMANAN DAN KESTABILAN

DI RANTAU-RANTAU TERSEBUT SUPAYA BEBAS DARIPADA CAMPURTANGAN,  
PENGUASMAN DAN PENDUDUKAN ASING.

PERNYATAAN TERSEBUT MELIPUTI SOAL-SOAL RAKYAT PALESTIN, NAMIBIA  
DAN DASAR APARTHEID.

BERHUBUNG DENGAN SOAL-SOAL DUA-HALA, LIBYA MENEATAKAN LAWATAN  
MERUPAKAN MERCUTANDA YANG PENTING UNTUK MEMUPUK HUBUNGAN  
PERSAUDARAANDI ANTARA KEDUA-DUA BUAH NEGARA.

DALAM RUNDINGAN MEREKA, DATUK SERI DR MAHATHIR DAN PERDANA  
MENTERI LIBYA ABDUSSALAM JALLOUD BERSETUJU BAHAWA LIBYA DAN MALAYSIA,  
MEMPERKUKUKKAN HUBUNGAN MEREKA DALAMBIDANG EKONOMI, KEBUDAYAAN DAN  
TEKNIKAL DAN LEBIH-LEBIH LAGI KE ARAH MEMUPUK PERDAGANGAN SECARA  
LANGSUNG.

MALAYSIA MENGHARGAI LIBYA KERANA MENAJA UNIVERSITI ISLAM  
ANTARABANGSA DAN BERSETUJU HENDAK MEMBERIKAN BANTUAN KEPADANYA  
KERANA MEMANDANGKAN PERTUMBUHAN DAN PERKEMBANGAN UNIVERSITI TERSEBUT  
AKAN MEMBERI FAEDAH KEPADA UMAT ISLAM DI ASIA DAN PASIFIK.

KEDUA-DUA BELAH PIHAK YAKIN BAHAWA KESEJAHTERAAN DARISEGI  
KEBENDAAN SEMATA-MATA TIDAK MENCUKUPI UNTUK MENELURKAN KEAMANAN,  
KEBAHAGIAN DAN MEMBERI PENEGANGAN AKAN PENTINGNYA PENINGKATAN SEGI  
KEROHANIAN MENERUSI SOKONGAN AKTIF DEMI KEPENTINGAN AGAMA ISLAM.

MALAYSIA DAN LIBYA EERSETUJU UNTUK MEMPERTINGKATKAN PERPADUAN  
BUKAN SEMATA-MATA DI KALANGAN KERAJAAN-KERAJAPAN ISLAM TETAPI JUGA DI  
KALANGAN UMAT ISLAM BIAR DI MANA SAJA MEREKA BERADA.

KEDUA-BUAH BUAH NEGARA JUGA BERSETUJU UNTUK BEKERJASAMA KE ARAH  
MENJADIKAN UMMAH ISLAM SEBAGAI SATU TENAGA DINAMIK BAGI MENCAPAI  
KEAMANAN, KESEJAHTERAAN ROHANI DAN KEBENDAAN.

PERNYATAAN TERSEBUT JUGA MENYERUTKAN BAHAWA PERDANA MENTERI  
TELAH MENGUNJUNGI PRESIDEN MUAMMAR GADDAFI DAN DALAM DIALOG YANG  
DIADAKAN MEREKA MEMBINCANGKAN PELBAGAI ASPEK TEORI KESEJAGATAN  
KETIGA YANG DIANJURKAN OLEH LIBYA DAN PRINSIP-PRINSIP YANG  
DIDOKONGINYA BERTUJUAN HENDAK MENGHAPUSKAN PENINDASAN, PENEKANAN DAN  
PENGEKSPLORASIAN RAKYAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR KETIKA MENJAWAB SOALAN YANG DITIMBULKAN  
DALAM SATU SIDANG AKHBAR RINGKAS SEBELUM EERLEPAS BERKATA KESULITAN  
UNTUK MEWUJUDKAN PERPADUAN DAN KESATUAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA  
ISLAM ADALAH GISEBABKAN OLEH PERBEZAAN PENDAPAT.

BELIAU BERKATA YANG PENTING IALAH USAHA BAGI MENGATASI PERBEZAAN  
PENDAPAT ITU DAN CUBA MEWUJUDKAN KESEJAHTERAAN UMMAH PADA  
KESELURUHANNYA.

BANYAK LACI PEMIMPIN DUNIA ISLAM HARUS BERUNDING SATU DENGAN  
YANG LAIN BAGI MEMPERTINGKATKAN KESEMPATAN KE ARAH PERPADUAN ISLAM,  
KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIANNYA DIBERIKAN SAMBUTAN SELAMAT  
JALAN DI LAPANGAN TERBANG TRIPOLI OLEH ENCIK JALLOUD DAN ISTERINYA.  
- BERNAMA.

4 107MST 12 12 84